

30 MAY 2001

Abdullah-Baling

PELANTIKAN RAJA ARIFIN TIDAK SEPATUTNYA DIBANTAH, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kumpulan 114 ketua cawangan Umno di bahagian Baling tidak sepatutnya membantah pelantikan Datuk Raja Arifin Raja Sulaiman sebagai ketua bahagian itu.

"(Mereka) tidak sepatutnya bantah sebab itu keputusan yang kita (Majlis Tertinggi Umno) buat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan 114 ketua cawangan itu yang menandatangani memorandum membantah pelantikan Raja Arifin menggantikan Datuk Zainol Md Isa yang dilucutkan jawatan selepas didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin Umno kerana terlibat dalam politik wang.

Anggota jawatankuasa bahagian Wan Mahmud Wan Ibrahim yang juga jurucakap kumpulan itu berkata, pelantikan Raja Arifin bercanggah dengan perlembagaan Umno.

Abdullah berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno telahpun menjelaskan bahawa mana-mana ketua bahagian yang didapati bersalah, maka lawannya pada pemilihan itu akan menjadi ketua bahagian.

Kumpulan berkenaan menganggap pelantikan Raja Arifin bertentangan dengan Perlembagaan Umno yang menetapkan bahawa dalam keadaan sedemikian, timbalan ketua bahagian dilantik pemangku.

Mengikut fasal 15.7 perlembagaan Umno, jawatan ketua bahagian hendaklah dipangku timbalan ketua, jika ketua tidak dapat menjalankan tugas kerana dipecat, uzur ataupun meninggal dunia.

Abdullah berkata, pemenang pada pemilihan bahagian itu telah dibatalkan kemenangannya.

"Soalnya, yang menang itu telah dibatalkan kemenangannya, jadi soal dia pegang jawatan tidak timbul," katanya.

Katanya, sebarang penyelesaian tidak akan dicapai sekiranya setiap kali keputusan Umno mendapat bantahan anggotanya.

-- BERNAMA

RZS RZS MAI